

04 APR 2002

Nik Aziz-Singapura

SINGAPURA BUKAN JIRAN YANG BAIK: NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan Singapura sebagai negara yang tidak peka dengan perasaan jirannya Malaysia apabila sanggup membuat perbuatan dan mengeluarkan kenyataan yang menyinggung pemimpin dan rakyat negara ini.

Katanya contoh tindakan Singapura menambak laut di perairan yang bersempadan dengan Malaysia tanpa mengambil kira pandangan Malaysia menunjukkan Singapura bukan jiran yang baik.

"Jadi saya tak nampak kenapa perkara yang begitu penting (menambak laut dekat sempadan) dibuat seorang diri dengan tidak memberi tahu kepada negara jiran. Dimanakah semangat kejiranan sedangkan dalam Islam semangat kejiranan sangat kita amalkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya tindakan mementingkan diri itu sebenarnya boleh menimbulkan masalah kepada Malaysia apabila kapal dagangan sukar menggunakan laluan itu.

Sehubungan itu beliau meminta Singapura dan Malaysia mencari jalan untuk berunding dalam menyelesaikan sebarang masalah yang membabitkan hubungan dua hala.

Berhubung dengan pengiktirafan Palestin kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggunakan pengaruhnya menghubungi Presiden George W. Bush bagi menekan Israel supaya menghentikan keganasan di wilayah yang didudukinya, Nik Aziz berkata beliau mengalu-alukan apa sahaja ikhtiar untuk menyelamatkan rakyat Palestin.

"Saya boleh terima siapa sahaja yang boleh menyelesaikan isu Palestine ini," katanya.

Beliau juga berpendapat bahawa isu Palestin hanya boleh diselesaikan apabila bumi Palestin diserahkan semula kepada negara Arab dan bukannya dipecahkan serta diduduki Israel yang mendapat sokongan Amerika Syarikat.

Katanya Amerika Syarikat mempunyai niat jahat dengan meletakkan Israel bagi melaga-lagakan sesama negara Arab dan perancangan perbuatan itu dilakukan juga di Kashmir dan terbaru di Afghanistan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Datuk Mohamad Ghani ketika ditemui berkata kerajaan Malaysia perlu mengambil tindakan tegas berikutan pemimpin Singapura menunjukkan sikap ego mereka sehingga sanggup mempelekehkan rakyat dan pemimpin negara ini.

"Kita sering bertolak-ansur dan sedia memaafkan Singapura dalam pelbagai isu sebelum ini seperti pencerobohan ruang udara hingga pemimpin negara itu sanggup mengambil kesempatan daripada sikap lembut kita," katanya.

Beliau berkata soal penambakan laut hingga ke sempadan Malaysia perlu diberi perhatian utama kerana ia membabitkan keselamatan negara serta maruah rakyat dan pemimpin negara.

Katanya Malaysia perlu mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di Palestin hingga dizalimi Israel kerana keadaan itu juga boleh berlaku di negara ini pada masa akan datang.

"Tindakan Singapura itu juga boleh disamakan dengan perbuatan Israel yang cuba mencerooboh maruah rakyat Malaysia dan kedaulatan negara," katanya.

-- BERNAMA

RAR FAZ